



*Mustapa Mohamed*

## MYDevice pastikan pelajar dapat akses peranti digital menjelang 2025

**Kuala Lumpur:** Inisiatif MYDevice di bawah kerangka MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia akan diperkenalkan untuk memastikan semua pelajar mendapat akses kepada peranti digital bagi tujuan pembelajaran menjelang 2025.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata inisiatif itu akan dilaksanakan melalui kerjasama antara kerajaan, swasta dan rakyat.

"Data percuma akan diberi kepada pelajar daripada kumpulan mudah terjejas. Kerajaan menyedari kesukaran dihadapi anak termasuk ibu bapa dalam menghadapi pembelajaran dalam talian.

"Sebagai rakyat, kita harus bersiap sedia menghadapi gelombang dunia digital dengan penuh bertanggungjawab tatkala merebut manfaat teknologi," katanya berucap pada Majlis Pelancaran MyDIGITAL & Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia secara maya, semalam.

Mustapa berkata, negara masih berhadapan dengan beberapa cabaran yang perlu ditangani segera bagi memastikan matlamat mengurangkan jurang digital dapat dicapai.

Cabaran itu termasuk kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar yang rendah, penyediaan infrastruktur digital yang belum menyeluruh serta tenaga kerja berkemahiran digital yang masih tidak mencukupi.

"Pandemik COVID-19 mendorong kita, pihak kerajaan, swasta dan masyarakat, meningkatkan usaha menguasai teknologi digital. Antara trend yang semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat adalah penggunaan perkhidmatan pekerja gig dan peningkatan permintaan tenaga kerja berkemahiran digital," katanya.

Kerajaan katanya, komited melaksanakan pendigitalan dengan meningkatkan lebih banyak perkhidmatan dan penyampaian agensi awam bermula dari peringkat awal hingga akhir.

"Perkhidmatan ini membolehkan rakyat berurusan dengan pejabat kerajaan tanpa perlu hadir secara fizikal, misalnya perkhidmatan di kaunter untuk pembayaran bil utiliti dan sebagainya," katanya.